

### Utusan Malaysia Disember 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	02 Disember 2017	Dokumen tular bukan kertas siasatan SPRM	Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki	3
2.	05 Disember 2017	Lagi keluarga terdekat MB Selangor dalam radar SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	5
3.	08 Disember 2017	Wang sita Ops JANS RM19.97 juta diserahkan kepada kerajaan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	09 Disember 2017	Anak saudara Menteri Besar Selangor bebas reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	7
5.	09 Disember 2017	Mengapa Azmin tuduh SPRM, tidak diri sendiri?	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	9
6.	11 Disember 2017	SPRM ambil dokumen dari JKPSB, siasat dakwaan penyelewengan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	11
7.	11 Disember 2017	Siasatan SPRM : JKP Sdn. Bhd. beri kerjasama penuh	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	13
8.	12 Disember 2017	Seorang suspek utama rasuah jabatan air didakwa esok	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
9.	13 Disember 2017	Chee Kong berdepan 146 pertuduhan bernilai RM32 juta	Bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah, Teo Chee Kang	15
10.	14 Disember 2017	Wanita dipenjar 6 tahun, denda RM1.075j suami dibebaskan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	17
11.	14 Disember 2017	Bekas Timbalan Pengarah JANS didakwa ubah wang haram RM32 juta	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	19
12.	15 Disember 2017	Lima termasuk dua lagi kakitangan Jabatan Imigresen ditahan	Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi	21
13.	16 Disember 2017	Bekas Ketua Polis Daerah dibebaskan dengan jaminan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	22
14.	21 Disember 2017	Azwan dakwa ada bukti kukuh Kes salah laku rasuah, kemewahan melampau individu penting	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	23
15.	22 Disember 2017	SPRM sahkan KFA bebas rasuah dalam isu tiket	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	25
16.	23 Disember 2017	Felda yakin dapat semula hak milik tanah	Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad	27

<b>Bil.</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tajuk Berita</b>	<b>Catatan</b>	<b>Muka Surat</b>
17.	24 Disember 2017	Beri ruang siasatan isu tanah Felda	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	29
18.	25 Disember 2017	Felda: Tidak perlu RCI tapi segerakan siasatan - Takiyuddin	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30
19.	25 Disember 2017	Isu tanah Felda: Isa Samad sedia disiasat pihak berkuasa	Bekas Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad	31
20.	26 Disember 2017	Polis panggil Isa Samad	Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun	33
21.	28 Disember 2017	SPRM dijangka serah hasil siasatan bulan depan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	35
22.	30 Disember 2017	Bekas menteri, pemimpin parti di Sabah disiasat Berhubung kehilangan deposit penjualan tanah RISDA RM15.5 juta	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	37

### 1. Dokumen tular bukan kertas siasatan SPRM

KUALA LUMPUR 1 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan dokumen yang tular di internet berkaitan Amir Shariffuddin Abd. Raub, 44, yang juga Orang Kena Tuduh (OKT) bagi kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan bekas Exco Johor bukanlah kertas siasatan suruhanjaya tersebut.



AZAM BAKI

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, sebaliknya, dokumen yang tular terbabit merupakan pernyataan OKT yang diberikan salinan kepada pihak tersebut oleh SPRM melalui peguamnya selepas beliau dituduh di mahkamah.

Tambahnya, jadual transaksi yang menjadi tular terbabit juga bukan dari sumber SPRM tetapi telah dikeluarkan oleh pihak tertentu dan sengaja di ada-adakan.

"Saya mahu pihak polis menyiasat secara terperinci mengenai bagaimana pernyataan tertuduh boleh keluar di dalam internet. Walaupun ia tidak cukup muka surat tapi bagi kami ia adalah pernyataan daripada tertuduh.

"Pihak yang diberikan pernyataan tersebut seharusnya memastikan dokumen terbabit tidak tersebar kepada umum. Bagi pihak kami, SPRM tidak pernah lagi mengeluarkan pernyataan tertuduh kepada pihak yang tidak berkenaan," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Hari ini, peguam kepada Amir Shariffuddin iaitu Azrul Zulkifli Stork menyatakan kekesalan berhubung kes dokumen membabitkan anak guamnya yang tular.

Katanya, anak guamnya berasa kesal terhadap tindakan individu tidak bertanggungjawab menularkan satu dokumen rahsia yang dikatakan Pernyataan Dalam Pemeriksaan mengikut Seksyen 53(3) Akta SPRM.

Malah, Azam turut kesal dengan pernyataan tersebut yang tersebar di internet kerana ia mengganggu prosiding mahkamah.

"Mana-mana pihak di luar sana tidak perlu membuat andaian bahawa SPRM yang mendedahkan perkara ini kerana pihak kami tidak pernah terlibat.

"Saya telah meminta Timbalan Pendakwaraya membangkitkan isu ini di mahkamah kerana ia mengganggu prosiding yang sedang dijalankan. Saya yakin dan percaya pihak polis yang menjalankan siasatan telah mendapat petunjuk siapa dalang yang menularkan dokumen pernyataan ini," ujarnya.

## 2. Lagi keluarga terdekat MB Selangor dalam radar SPRM

KUALA LUMPUR 4 Dis. - Satu lagi tangkapan akan dilakukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam masa terdekat terhadap individu yang dikatakan mempunyai kaitan dengan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bagi membantu siasatan kes salah guna kuasa dan rasuah.

Menurut sumber, individu yang merupakan keluarga terdekat pemimpin kerajaan negeri itu dipercayai menjadi orang tengah bagi berurusan dengan kontraktor-kontraktor untuk mendapatkan pelbagai projek daripada kerajaan negeri.

Ujarnya, hasil siasatan mendapati, individu berkenaan hidup mewah walaupun hanya menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

"Bagaimanapun, siasatan lanjut masih dijalankan bagi meneliti kesahihan dakwaan terhadap individu tersebut dan sejauh manakah penglibatannya dalam projek-projek kerajaan negeri sejak 2014," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Khamis lalu, empat individu termasuk anak saudara kepada Menteri Besar direman tujuh hari kerana dipercayai terlibat melindungi kegiatan lombong pasir dan batu haram di Selangor.

Suspek yang dikenali sebagai 'Aboy' menjadi orang tengah bagi berurusan dengan agensi penguat kuasa dan kerajaan negeri supaya kegiatan haram itu tidak diganggu.

Selain itu, suspek berusia 37 tahun tersebut juga dikatakan memiliki kenderaan mewah dan sentiasa bercuti di luar negara hasil wang sogokan yang diperoleh daripada syarikat-syarikat yang mahu mendapatkan projek daripada kerajaan negeri.

### **3. Wang sita Ops JANS RM19.97 juta diserahkan kepada kerajaan**

PUTRAJAYA 8 Dis. - Sebanyak RM19.97 juta daripada RM21.78 juta wang yang dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam operasi membabitkan penyelewengan dana Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) diserahkan kepada kerajaan.

SPRM dalam satu kenyataan memaklumkan, arahan itu susulan keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Datuk Nurcahaya Arsad yang melucut hak RM19.97 juta itu daripada jumlah keseluruhan wang dan akaun bank yang disita serta diserahkan kepada kerajaan.

"Pada prosiding semalam, SPRM diwakili barisan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman, Mohd. Farez Rahman dan Rozanna Abdul Hadi.

"Bagi keputusan melucut hak baki wang yang disita berjumlah RM1.8 juta pula ditetapkan perbicaraannya pada 13 Disember ini," kata kenyataan itu hari ini.

#### 4. Anak saudara Menteri Besar Selangor bebas reman

PUTRAJAYA 8 Dis. - Anak saudara Menteri Besar Selangor dan seorang pengarah syarikat yang direman kerana dipercayai terlibat melindungi kegiatan lombong pasir dan batu haram di Selangor dibebaskan hari ini.



ANAK saudara Menteri Besar Selangor (tengah) dan seorang pengarah syarikat yang direman kerana dipercayai terlibat melindungi kegiatan lombong pasir dan batu haram di Selangor dibebaskan di Putrajaya, semalam. UTUSAN/RASHID MAHFOF

Majistret Aida Khairuleen Azli membenarkan kedua-dua lelaki itu dibebaskan dengan jaminan masing-masing RM100,000 berserta seorang penjamin semasa mereka dibawa ke Mahkamah Majistret di sini.

Mereka sebelum ini direman 10 hari bermula 30 November lalu bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan projek perlombongan berkenaan pada tahun 2014.

Selain mereka, turut direman adalah dua lagi individu iaitu pengarah syarikat dan pengurus tapak, namun kedua-duanya telah dibebaskan pada Rabu lalu.

Sebelum direman, kesemuanya ditahan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kira-kira pukul 12.30 tengah hari pada 29 November lalu di sekitar Kuala Lumpur.

Hasil penahanan itu, akaun bernilai RM4 juta milik syarikat tersebut turut dibekukan kerana disyaki hasil bersekongkol dengan anak saudara Menteri Besar terbabit.

Syarikat perlombongan itu dikatakan memberi rasuah kepada penguat kuasa tempatan supaya tidak mengambil tindakan terhadap kegiatan yang dilakukan

### 5. Mengapa Azmin tuduh SPRM, tidak diri sendiri?

PENDIRIAN Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang menuduh tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan anak saudaranya, Mohd. Nuzul Fadli Mohd. Noriyualsaid bersama tiga lagi individu lain berkaitan siasatan rasuah dalam aktiviti perlombongan pasir haram di negeri ini sebagai satu konspirasi sememangnya telah dijangka oleh banyak pihak.

Bagaikan mengulangi skrip yang pernah dimainkan 'bos' nya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kes liwat pembantu peribadinya sebelum ini, Mohamed Azmin dilihat seolah-olah tidak senang duduk dengan perkembangan berkenaan sehingga sanggup menyifatkan suruhanjaya itu bersekongkol dengan UMNO kononnya mahu menjatuhkan imej serta jawatan beliau sebagai Menteri Besar.

Tidak cukup dengan tuduhan itu, Mohamed Azmin menerusi kenyataan rasmi pejabatnya pada 30 November lalu menganggap tindakan SPRM yang membuat tangkapan tersebut sebagai berniat jahat.

Mengapa sampai begitu sekali tohmahan dilemparkan terhadap SPRM? Walhal, selaku Menteri Besar dan ketua pentadbiran negeri ini, Mohamed Azmin sepatutnya berterima kasih kepada suruhanjaya itu kerana berusaha membanteras aktiviti perlombongan pasir haram di Selangor yang jelas menyebabkan kehilangan hasil kerajaan negeri, bukannya memerangi SPRM seolah-olah seperti musuh politik.

Walaupun Mahkamah Majistret Putrajaya membebaskan Mohd. Nuzul Fadli dan seorang lagi pengarah syarikat yang dikaitkan dengan dakwaan itu dengan jaminan masing-masing sebanyak RM100,000 dengan seorang penjamin hari ini, namun ia tidak bermakna kedua-dua individu berkenaan termasuk dua lagi individu lain yang dibebaskan pada Rabu lalu bebas daripada dakwaan berkenaan.

Sebaliknya, keputusan Mahkamah Majistret itu melibatkan pembebasan mereka dari tahanan reman bagi membantu siasatan mengenai dakwaan tersebut sementara menunggu pendakwaan di mahkamah.

Namun, tindakan Mohamed Azmin melenting dan beriya-iyanya menyalahkan SPRM di sebalik tindakan penahanan itu dilihat menimbulkan banyak kemusykilan selain tidak menjawab persoalan bagaimana anak saudaranya yang dilaporkan tidak bekerja itu mampu hidup mewah termasuk bercuti di luar negara. Sedangkan, rakyat Selangor ketika ini terpaksa melakukan lebih daripada satu pekerjaan untuk mencari sesuap nasi serta menampung persekolahan anak-anak.

Kalau diikutkan kenyataan Pengasas Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin atau lebih dikenali sebagai Chegubard menerusi blognya, [chegubard.blogspot.my](http://chegubard.blogspot.my) pada 30 November

lalu, beliau secara terbuka menggesa Mohamed Azmin supaya bertanggungjawab dalam isu rasuah yang berlaku di Selangor ketika ini.

Malah, beliau turut mendakwa bahawa Menteri Besar itu telah melahirkan jutawan muda segera di sebalik slogan Peduli Rakyat yang dianggap hanyalah untuk mengaburi mata rakyat negeri ini.

Dalam isu membabitkan anak saudara Mohamed Azmin, Chegubard mendakwa ia hanyalah sebahagian sahaja daripada kegiatan rasuah melibatkan 'lombong batu' di Hulu Langat yang dikatakan telah bermula sejak akhir 2014.

## 6. SPRM ambil dokumen dari JKPSB, siasat dakwaan penyelewengan

GEORGE TOWN 11 Dis. - JKP Sdn. Bhd. (JKPSB), mengesahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil beberapa dokumen bagi membantu siasatan berkaitan isu kepentingan dan pengurusan kewangan agensi itu.



**ZAINAL ABIDIN OSMAN**

Pengerusinya, Datuk Seri Zainal Abidin Osman yang mengesahkan perkara itu berkata, pihaknya mengamalkan sikap terbuka sekiranya ada pihak yang membuat laporan kepada SPRM dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya terhadap siasatan itu.

Menurutnya pegawai SPRM hadir ke pejabat JKPSB ketika Perhimpunan Agung UMNO sedang berlangsung di Kuala Lumpur minggu lepas ketika desas-desus berhubung "lawatan "SPRM" itu dilaporkan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan kunci Pangsapuri Bayu Tiara di sini hari ini, ketika ditanya berhubung dakwaan terdapat aduan dibuat kepada SPRM terhadap Ketua Pegawai Eksekutif JKPSB Samrulzaman K. Mohideen berhubung perkara itu.

Zainal Abidin yang juga pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang berkata setakat ini SPRM mengambil beberapa maklumat dan dokumen berkaitan.

"Biar SPRM jalankan siasatan dan sebagai pengerusi JKPSB saya ingin menyatakan bahawa kami akan bagi kerjasama sepenuhnya dan kami akan arahkan kakitangan kami untuk memberi sepenuh kerjasama, memberi semua dokumen yang diperlukan SPRM.

"Jangan buat apa-apa kesimpulan, jangan buat andaian\* sama ada terdapat kes atau tidak terpulang pada siasatan SPRM," katanya yang menambah setakat ini belum ada sesiapa yang dipanggil memberi keterangan.

Zainal Abidin berkata, mesyuarat Lembaga Pengarah JKP sebelum ini juga telah membuat keputusan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman dan jawatankuasa itu sudahpun menyiapkan laporannya dan akan dibentangkan pada mesyuarat khas Lembaga Pengarah esok.

"Salinan laporan siasatan itu akan dikemukakan kepada pihak SPRM dan mengikut tatacara pengurusan di bawah agensi kerajaan, apabila diadakan siasatan, kami minta pihak yang disiasat itu supaya bercuti," katanya.

#### **7. Siasatan SPRM : JKP Sdn. Bhd. beri kerjasama penuh**

PULAU PINANG 11 Dis. - Syarikat pemaju hartanah, JKP Sdn. Bhd. (JKP) memberi kerjasama terbaik berhubung siasatan yang sedang dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap pengurusan kewangannya.

Pengerusinya, Datuk Seri Zainal Abidin Osman berkata, pihaknya mengamalkan sikap terbuka sekiranya terdapat laporan yang dibuat oleh pihak tertentu terhadap JKP.

Pada masa sama, Zainal Abidin mengakui petugas SPRM telah hadir ke pejabat mereka baru-baru ini.

"Saya difahamkan setakat ini SPRM telah mengambil beberapa dokumen yang diperlukan untuk menyiapkan siasatan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyerahan kunci Pangsapuri Bayu Tiara di sini hari ini.

#### 8. Seorang suspek utama rasuah jabatan air didakwa esok

KOTA KINABALU 12 Dis. - Salah seorang suspek utama dalam skandal rasuah Jabatan Air Sabah yang memiliki RM7 juta ketika ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tahun lalu, ditahan semula hari ini di sebuah lokasi di bandaraya ini.



TEOH CHEE KANG

Menurut sumber, Teoh Chee Kang, 52, ditahan sepasukan pegawai SPRM kira-kira pukul 12 tengah hari dan akan didakwa di mahkamah esok selepas siasatan kes tersebut dijalankan selama lebih setahun.

"Kami telah menjalankan siasatan dan suspek akan dibawa ke mahkamah pada kira-kira pukul 9 pagi esok untuk didakwa," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Pada 4 Oktober tahun lalu, Chee Kong bersama bekas pengarah jabatan itu, Awang Mohd. Tahir Mohd. Talib, 54, ditahan SPRM dan selepas mengeledah pejabat dan kediaman kedua-dua suspek.

SPRM menemukan wang tunai sebanyak RM52 juta iaitu RM7 juta milik Chee Kong manakala RM45 juta milik Awang Mohd. Tahir.

Turut ditemukan adalah barangan kemas, wang tunai di dalam beberapa akaun di luar negara serta geran-geran tanah yang keseluruhannya bernilai kira-kira RM180 juta termasuk wang tunai.

Sejak kes rasuah itu terbongkar, tiga suspek didakwa di mahkamah iaitu Awang Mohd. Tahir dan isterinya, Fauziah Piut, 51, serta seorang lagi bekas timbalan jabatan itu, Lim Lam Beng, 62.

Kesemua mereka disiasat mengikut Seksyen 18 dan Seksyen 17(a) Akta SPRM, Seksyen 132 Akta Syarikat, Seksyen 165 Kanun Keseksaan dan mereka masing-masing didakwa mengikut Seksyen 4(1)(a) Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLATFA) 2001.

**9. Chee Kong berdepan 146 pertuduhan bernilai RM32 juta**



**TEO Chee Kong ketika dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kota Kinabalu selepas dibacakan 146 pertuduhan pecah amanah membabitkan jumlah wang sebanyak lebih RM32 juta hari ini.**

KOTA KINABALU 13 Dis. - Bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah, Teo Chee Kang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di hari ini atas 146 pertuduhan pecah amanah membabitkan jumlah wang sebanyak lebih RM32 juta.

Chee Kong, 52, mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan tersebut selepas dibacakan kepadanya di hadapan Hakim Nixon Kennedy Kumbong.

Tertuduh didakwa melakukan kesemua kesalahan tersebut dalam tempoh 12 tahun bermula tahun 2005 hingga 2016.

Sebanyak 78 daripada pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA) manakala 68 lagi di bawah Seksyen 4(1)(a) AMLA.

Ketika prosiding, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman dan Mohd. Hafiz Hashim manakala tertuduh diwakili peguam Roland Cheng dan Hamis Ismail.

Semasa berhujah, Tengku Amir meminta mahkamah menetapkan nilai jaminan RM10 juta sebagai syarat pembebasan tertuduh, bagaimanapun perkara tersebut dibantah oleh pihak pembelaan.

Nixon kemudiannya memerintahkan tertuduh diikat jamin dengan nilai RM1.5 juta manakala pasportnya diserahkan kepada mahkamah serta menetapkan tarikh pengurusan kes pada 16 Januari tahun depan.

**10. Wanita dipenjara 6 tahun, denda RM1.075j**

**suami dibebaskan**



slug : Mahkamah - Tuntutan palsuKUALA TERENGGANU 13 DISEMBER 2017 - Seorang Pembantu Tadbir Jabatan Dietetik dan Sajian Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Noormazida Mukhtar, 28, dijatuhi hukuman penjara enam tahun dan denda RM1.075 juta atas enam pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu hari ini.

KUALA TERENGGANU 13 Dis. - Seorang pembantu tadbir Jabatan Dietetik dan Sajian Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dihukum penjara enam tahun dan denda RM1.075 juta oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas enam pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu terhadap tender pembekalan telur dan susu di HSNZ.

Hakim Mohammad Haldar Abdul Aziz memutuskan demikian selepas tertuduh, Noormazida Mukhtar, 28, ibu kepada dua orang anak mengaku bersalah terhadap pertuduhan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Noormazida turut berdepan hukuman penjara tambahan enam tahun sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Tertuduh kedua, Mohd. Fikri Izani yang juga suami Noormazida pula dibebaskan daripada sebarang pertuduhan selepas representasi yang dikemukakan oleh peguamnya telah dibenarkan oleh Pejabat Peguam Negara pada 16 November lalu.

Berdasarkan pertuduhan pertama hingga keempat, Noormazida didakwa mengemukakan dokumen tuntutan palsu berhubung pembekalan telur berjumlah keseluruhan RM113,066 yang sebenarnya tidak wujud kepada Jabatan Dietetik dan Sajian HSNZ antara 12 Februari dan 31 Mei lalu.

Bagi pertuduhan kelima dan keenam pula, tertuduh didakwa mengemukakan dokumen tuntutan palsu pembekalan susu berjumlah RM98,580 yang sebenarnya tidak pernah dibekalkan kepada Jabatan Dietetik dan Sajian HSNZ pada 11 Jun dan 3 Julai lalu.

Berdasarkan fakta kes, Noormazida yang mempunyai akses ke atas sistem kewangan HSNZ menyediakan pesanan kerajaan kepada syarikat KAB Adil Resources milik Mohd. Fikri yang menjalankan perniagaan dan pengedaran garam bukit bagi tujuan perubatan alternatif.

Tertuduh kemudian meluluskan sendiri pesanan kerajaan tersebut menggunakan akses masuk milik Pegawai Penyediaan Makanan di unit berkenaan tanpa kebenaran selain menyediakan nota penghantaran, invois serta surat persetujuan menerima bekalan kepada bahagian kewangan HSNZ bagi proses pembayaran.

Hasil daripada tuntutan palsu berjumlah RM211,646 itu digunakan oleh tertuduh untuk membeli stok garam bukit, pembelian emas, pembinaan sebuah rumah atas tanah lot serta pembelian sebuah motosikal yang kemudiannya disita oleh SPRM selain turut dirampas wang tunai berjumlah RM5,904.

Kes dikendalikan oleh Timbalan-timbangan Pendakwa Raya SPRM, Mahadi Abdul Jumaat dan Amer Abu Bakar Abdullah manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Mohd. Kamaruzaman A. Wahab.

### 11. Bekas Timbalan Pengarah JANS didakwa ubah wang haram RM32 juta

KOTA KINABALU 13 Dis. - Selepas lebih setahun menjalankan siasatan terhadap skandal rasuah Jabatan Air Negeri Sabah (JANS), seorang lagi bekas timbalan pengarah jabatan itu diheret ke muka pengadilan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini.



**TEO CHEE KEONG**

Teo Chee Keong, 52, yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini merupakan suspek keempat yang didakwa selepas tiga lagi suspek turut menghadapi nasib yang sama sebelum ini.

Chee Keong yang ditahan SPRM semalam mengaku tidak bersalah terhadap 146 tuduhan terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram berjumlah RM32 juta melalui penerimaan wang rasuah melibatkan projek JANS antara tahun 2005 dan 2016.

Sebanyak 78 pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 4 (1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA/TFA) 2001 iaitu kesalahan memiliki 70 bidang tanah hasil aktiviti haram melalui 78 transaksi bernilai RM12,705,203.

Sejumlah 68 pertuduhan pula di bawah Seksyen 4(1)(b) akta sama iaitu melibatkan enam kesalahan memiliki wang tunai hasil aktiviti haram berjumlah RM7,930,810 dan 62 kesalahan memiliki wang dalam akaun bank hasil aktiviti haram di laman institusi kewangan berjumlah RM12,287,240.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-timbalan Pendakwa Raya daripada SPRM, Tengku Amir Zaki Tengku Abdul Rahman dan Mohd. Hafiz Hashim manakala tertuduh diwakili peguam Roland Cheng serta Hamis Ismail.

Hakim Nixon Kennedy Kumbong membenarkan tertuduh diikat jamin RM1.5 juta dengan dua penjamin tempatan dan perlu melapor diri di pejabat SPRM setiap hari Sabtu manakala pasportnya diserahkan kepada mahkamah sebagai syarat jaminan serta menetapkan pengurusan kes pada 16 Januari tahun depan.

Sementara itu, ketika ditemui selepas prosiding, Tengku Amir Zaki berkata, beliau akan memohon kepada mahkamah supaya pertuduhan ini dibicarakan serentak dengan kes yang turut membabitkan JANS yang sedang berjalan.

Pada 4 Oktober tahun lalu, Chee Kong ditahan pertama kali oleh SPRM bersama bekas pengarah jabatan itu, Awang Mohd. Tahir Mohd. Talib, 54, di pejabat mereka dan hasil siasatan berjaya menemukan wang tunai sebanyak RM52 juta iaitu RM45 juta milik Awang Mohd. Tahir manakala RM7 juta lagi miliknya.

Selain penemuan berkenaan, SPRM turut membekukan beberapa akaun bank yang mencecah nilai RM30 juta di luar negara, geran-geran tanah serta pelbagai barangan kemas bernilai lebih RM10 juta.

Pada 29 Disember 2016, tiga suspek telah didakwa di mahkamah iaitu Awang Mohd. Tahir membabitkan tuduhan pecah amanah RM56.9 juta, isterinya, Fauziah Piut, 51, atas tuduhan pemilikan wang haram sebanyak RM2.2 juta serta seorang lagi bekas timbalan pengarah JANS, Lim Lam Beng, 62, atas tuduhan memiliki kenderaan mewah serta wang tunai secara haram sebanyak RM2.38 juta.

**12. Lima termasuk dua lagi kakitangan Jabatan Imigresen ditahan**



TIMBALAN Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Ijin ke-18 di Bangunan Perdana Putra hari ini. Turut hadir Menteri Pengangkutan Datuk Seri Liow Tiong Lai (kiri

PUTRAJAYA 15 Dis. - Sebanyak dua lagi kakitangan Jabatan Imigresen dan tiga orang anggota sindiket termasuk dua warga asing ditahan semalam bagi membantu siasatan kes penyeludupan warga Bangladesh melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, secara keseluruhan, seramai tujuh orang telah ditahan dalam siasatan kes berkenaan termasuk dua kakitangan Jabatan Imigresen yang ditahan kelmarin.

Beliau memberitahu, penahanan itu dilakukan Jabatan Imigresen dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Kita juga sudah mengambil tindakan untuk memindahkan kira-kira 40 peratus daripada (kira-kira 1,500 orang) kakitangan Jabatan Imigresen di KLIA dengan kakitangan dari lain-lain pejabat.

"Kita harus mengambil tindakan dengan segera bagi membersihkan imej Jabatan Imigresen," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Ijin (JKKPA-PATI) di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

**13. Bekas Ketua Polis Daerah dibebaskan dengan jaminan SPRM**



IPOH 16 Dis. - Bekas Ketua Polis Daerah Taiping berpangkat Asisten Komisioner, isteri serta seorang ahli perniagaan wanita yang direman sembilan hari kerana disyaki terlibat dalam penyalahgunaan kuasa dan rasuah hari ini dibebaskan dengan jaminan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebanyak RM40,000.

Majistret Nurul Asyifa Redzuan membenarkan pegawai polis berusia 59 tahun itu dijamin sebanyak RM20,000 manakala isteri dan ahli perniagaan berkenaan yang masing-masing berumur 54 dan 34 tahun, dijamin sebanyak RM15,000 dan RM5,000.

Terdahulu, ketiga-tiga suspek dibawa ke perkarangan kompleks Mahkamah Majistret di sini oleh pegawai SPRM pada pukul 10.15 pagi selepas tempoh tahanan reman mereka berakhir hari ini.

SPRM sebelum ini mendapatkan perintah tahanan reman ke atas ketiga-tiga suspek bermula 8 Disember lalu bagi membolehkan siasatan lanjut dibuat mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta SPRM 2009.

Pegawai polis itu ditahan bagi membantu siasatan kes penyalahgunaan kedudukan serta penerimaan rasuah sebanyak RM70,000 daripada seorang ahli perniagaan wanita untuk majlis perkahwinan anaknya pada Februari lalu.

Ahli perniagaan berkenaan yang disyaki mempunyai kepentingan dengan pegawai polis tersebut, telah memasukkan wang melalui dua transaksi iaitu RM20,000 dan RM50,000 melalui akaun bank milik isterinya.

Susulan tangkapan itu, penggeledahan telah dibuat di rumah pegawai polis tersebut dan pasukan penyiasat SPRM telah menemukan wang tunai berjumlah hampir RM1 juta dalam kotak kasut dan peti besi beserta barang kemas.

#### 14. Azwan dakwa ada bukti kukuh

**Kes salah laku rasuah, kemewahan melampau individu penting**



**AZWAN ALI, adik kepada Mohamed Azmin Ali ditemu bual pihak media selepas menyerahkan bukti dan dokumen salah guna kuasa dan rasuah Kerajaan Negeri Selangor kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya, semalam.**

PUTRAJAYA 20 Dis. - Selebriti terkenal, Azwan Ali mendakwa mempunyai dokumen sulit dan bukti kukuh yang telah disimpan sejak 30 tahun lalu berkaitan kes salah laku rasuah dan kemewahan melampau seorang individu penting yang dipercayai mempunyai hubungan pertalian kekeluargaan dengannya.

Azwan yang juga adik kepada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bukti tersebut yang telah disimpan sejak beliau mula bergelar artis adalah terlalu sulit dan perlu diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan lanjut.

Beliau yang enggan mendedahkan mana-mana individu terlibat berkata, pendedahan tersebut bukan dibuat atas faktor politik tetapi bagi membantu sepenuhnya proses siasatan yang sedang dijalankan oleh SPRM.

"Saya hanya membantu dan tidak boleh mendedahkan dokumen ini kerana sangat sulit dan boleh menjejaskan proses siasatan SPRM. Sebagai umat Islam saya bertanggungjawab untuk membetulkan semula situasi yang semakin mencurigakan ini.

"Nama yang ada dalam dokumen sulit ini saya tidak mahu dedahkan, tetapi media boleh buat spekulasi atau jangkaan siapa individu berkenaan. Apa yang boleh saya katakan ialah dokumen ini sangat sulit dan terlalu panas," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyerahkan dokumen berkenaan di Ibu pejabat SPRM di sini hari ini.

Utusan Malaysia semalam melaporkan bahawa Azwan yang terkenal dengan gelaran Diva AA akan hadir ke Ibu pejabat SPRM di sini bagi memberi maklumat lanjut mengenai dakwaan selebriti itu berhubung salah guna kuasa dan rasuah membabitkan ahli keluarganya.

Sebelum itu, Azwan telah mengadakan pertemuan bersama Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim bagi berkongsi maklumat berkenaan dakwaan tersebut di bangunan Parlimen.

Maklumat tersebut juga dipercayai mempunyai kaitan dengan penahanan anak saudara mereka, Mohd. Nuzul Fadli, 37, oleh SPRM berhubung kes melombong pasir secara haram di Kajang baru-baru ini.

Dalam pada itu, ditanya mengenai tuduhan sesetengah pihak beliau menerima bayaran, Azwan secara sinis berkata, beliau merupakan penerima dedak, barua dan macai nombor satu.

"Kenapa tuduh saya dapat dedak sedangkan banyak lagi artis yang sokong pembangkang. Mereka dapat apa, mungkin dedak basi.

"Saya buat perkara ini sendiri bukan sebab sudah dekat pilihan raya umum tetapi kerana Allah. Allah yanggerakkan saya untuk membuat pendedahan ini selepas enam bulan menunggu selepas balik daripada menunaikan umrah," katanya.

Mengulas lanjut, Azwan berkata, pendedahan itu turut mendapat sokongan daripada beberapa pemimpin pembangkang yang bertalu-talu menghubunginya semalam.

Sementara itu, diminta mengulas mengenai kenyataan abangnya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang tetap mendoakan kebajikannya walaupun 'diserang', Azwan bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenainya.

**15. SPRM sahkan KFA bebas rasuah dalam isu tiket**



ALOR SETAR 22 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan tiada unsur rasuah oleh mana-mana pihak berhubung isu penjualan tiket final Piala Malaysia oleh Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) seperti didakwa segelintir pihak sebelum ini.

Sumber dalaman SPRM memaklumkan, suruhanjaya itu bagaimanapun telah membuka kertas pemeriksaan dan perundingan untuk memastikan kekecohan sama tidak berulang pada masa depan.

"Tindakan itu dibuat untuk mengatasi kelemahan-kelemahan dalam amalan, sistem serta tatacara kerja sesebuah organisasi.

"Dalam hal ini, kami akan mengadakan beberapa pertemuan dengan KFA bagi mengenal pasti sebarang kelemahan yang menyebabkan kekecohan sehingga timbul dakwaan berlaku rasuah dalam penjualan tiket tersebut.

"Apabila kami sudah mengenal pasti kelemahan dan puncanya, kami akan bentangkan kepada KFA mengenai cara memperbetulkan dan memperkemaskan kelemahan itu," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Mengulas lanjut, katanya, setelah cadangan itu dibentangkan, KFA akan ada perjanjian antara kedua-dua pihak di mana KFA diberi tempoh selama setahun untuk melaksanakan cadangan-cadangan tersebut.

"Sekiranya mereka gagal melaksanakan perkara yang dijanjikan, maka kami boleh mengambil tindakan mengikut akta tertentu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Tiket dan Pintu Masuk Persatuan Bola Sepak Kedah (KFA) Shaharol Niza Omar ketika dihubungi memberitahu, pihaknya telah dimaklumkan mengenai perkara itu oleh SPRM baru-baru ini.

"Kami berterima kasih kepada SPRM yang menjalankan tugas dengan cukup profesional. Ketika mereka menjalankan siasatan sebelum ini, kami tidak pernah gagal mengemukakan sebarang dokumen termasuk ke mana tiket-tiket itu dijual.

"Ini membuktikan yang KFA sentiasa telus dalam menjalankan tugas demi peminat bola sepak Lang Merah. Tiada apa yang mahu disembunyikan dan atas sebab itu, kami akan terus memberi kerjasama kepada SPRM untuk segala tindakan selepas ini," katanya.-

## 16. Felda yakin dapat semula hak milik tanah



**SHAHRIR ABDUL SAMAD menyiram air kepada kanak-kanak yang menyertai program berkhatan beramai-ramai di Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru, semalam.**

JOHOR BAHRU 22 Dis. - Felda yakin akan mendapatkan semula hak milik ke atas tanah bernilai RM270 juta di Jalan Semarak, Kuala Lumpur yang sudah berpindah milik ke syarikat pemaju Synergy Promenade Sdn. Bhd.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, ini kerana siasatan dalaman dilakukan mendapati telah berlaku fraud dalam urusan pindah milik tersebut.

Ujarnya, Felda turut mendapatkan pandangan daripada beberapa pihak lain seperti Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Peguam Negara dalam perkara tersebut.

"Kita yakin berlaku fraud membabitkan urusan pindah milik hak tanah melibatkan syarikat pemaju Synergy Promenade Sdn. Bhd.

"Disebabkan itu, kita yakin untuk mendapatkan semula hak ke atas tanah tersebut yang mana prosesnya akan dibuat mengikut prosedur," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas program khatan beramai-ramai anjuran Parlimen Johor Bahru di Rumah Pangsa Larkin di sini hari ini.

Menurut Shahrir, laporan polis telah dibuat dan biarlah polis siasat kerana negara mempunyai rekod, manakala semua latar belakang syarikat dan pengarah boleh dicari di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

"Felda turut menyerahkan perkara itu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk disiasat.

"Pihaknya juga tidak akan mendedahkan sebarang nama yang disyaki terlibat dalam transaksi itu," tegasnya yang juga Ahli Parlimen Johor Bahru.

### 17. Beri ruang siasatan isu tanah Felda

BERA 23 Dis. - Semua pihak tidak harus mempolitikkan isu kehilangan hak milik tanah Felda di Jalan Semarak sebaliknya menyerahkan kepada pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya setelah siasatan menyeluruh selesai.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, dalam hal ini, Felda serta pihak berkuasa telah memberi jaminan tindakan-tindakan perlu akan diambil dan oleh itu semua pihak harus memberi ruang kepada siasatan tersebut.

"Kita tidak dapat mengelakkan ada pihak yang akan mempolitikkan isu ini tetapi saya minta kita serahkan kepada pihak berkuasa dan jangan kita mengganggu siasatan.

"Kita perlu berikan ruang kepada pihak berkuasa melakukan tindakan secara perundangan dan kurangkanlah dari segi mempolitikkan isu ini," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Raja Sehari Mega Parlimen Bera di Dewan Kompleks Rakan Muda Bera di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kemayan, Datuk Mohd. Fadil Osman; Ketua Wanita UMNO bahagian, Datuk Sabariah Saidan; Ketua Pemuda UMNO bahagian, Zoolihsan Ahmad dan Ketua Puteri UMNO bahagian, Salmiah Abdul Rahman.

Seramai 10 pengantin baharu diraikan pada majlis julung-julung kali yang dianjurkan oleh Puteri UMNO Bahagian Bera itu.

Isu kehilangan hak milik tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengarahkan agar tindakan diambil sekiranya berlaku kecuai dan salah laku dalam kes berkenaan.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, siasatan yang sedang berlangsung juga tidak hanya menjurus kepada tindakan sivil semata-mata tetapi melibatkan juga tindakan jenayah.

"Saya harap pihak polis menyiasat pihak terbabit begitu juga Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan sebagainya perlu menyiasat hingga ke akar umbi kerana RM270 juta adalah besar dan tanah di Jalan Semarak adalah tanah yang amat berharga milik Felda yang tidak boleh sekali-kali dilepaskan.

"Semua pihak perlu disiasat sama ada Felda Investment Corporation (FIC) atau di dalam Felda malah syarikat yang terlibat juga perlu disiasat kerana kita takut ada unsur jenayah dan penipuan yang berlaku," jelasnya

### 18. Felda: Tidak perlu RCI tapi segerakan siasatan - Takiyuddin

KOTA BHARU 25 Dis. - Isu kehilangan hak milik tanah Felda di Jalan Semarak, Kuala Lumpur merupakan kes straight forward (bersifat tidak kompleks) dan tidak memerlukan langkah rumit seperti Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk diselesaikan.



Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan berkata, langkah perlu diambil pihak berkuasa terutama polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) adalah mengkaji dengan teliti kronologi sehingga berlakunya pindah milik tanah berkenaan.

Katanya, antara yang perlu diteliti adalah keputusan Lembaga Pengarah Felda, perjanjian antara Felda dan syarikat Synergy Promenade Sdn. Bhd., transaksi pindah milik kepada syarikat dan kepatuhan obligasi pihak-pihak sebagaimana perjanjian.

#### Takiyuddin Hassan

"Pas yakin kesediaan Pengerusi Felda, Tan Sri Abdul Shahrir Abdul Samad membuka pintu Felda untuk disiasat harus menjadi pemudahcara kepada siasatan yang perlu dibuat secara telus without fear or favour (tanpa rasa takut atau pilih kasih).

"Ini juga membolehkan siasatan dibuat dengan cepat memandangkan isu ini berkepentingan awam dan melibatkan stakeholder (pemegang taruh) yang besar iaitu peneroka Felda dan generasi warisan mereka," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, Takiyudddin berkata, Pas berharap siasatan terperinci kes tersebut turut memungkinkan pembongkaran skandal lain melibatkan Felda serta anak-anak syarikatnya.

"Dengan ini, Felda sebagai institusi amanah dapat dibersihkan daripada unsur kepentingan peribadi atau kelompok tertentu," katanya.

### 19. Isu tanah Felda: Isa Samad sedia disiasat pihak berkuasa



**MOHD ISA ABDUL SAMAD**

PORT DICKSON 25 Dis.- Bekas Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sedia memberi kerjasama kepada pihak berkuasa berhubung isu pemindahan hak milik tanah agensi itu di Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

Beliau berkata pihak polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) belum menghubunginya bagi mendapatkan keterangan selepas Pengerusi FELDA Tan Sri Shahrir Abdul Samad membuat laporan polis dan sidang media mengenai perkara itu.

"Setakat ini, polis belum panggil saya, biar polis jalankan tugas. Tetapi, saya sedia beri kerjasama sekiranya polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) panggil.

"Saya tidak mahu komen lebih kerana tidak mahu isu ini dijadikan polemik politik" katanya kepada pemberita semasa menghadiri Kempen Tabung Hari Pahlawan 2017 Peringkat Parlimen Teluk Kemang di Batu 4 di sini, hari ini.

Terdahulu, dalam ucapannya Mohd Isa yang juga Penaung Persatuan Veteran ATM Cawangan Port Dickson, menangkis dakwaan kononnya beliau melarikan diri daripada pihak media.

"Ramai cakap saya lari, mana ada saya lari, saya ada banyak program di sini, Jempol dan Seremban," katanya.

Mohd Isa pernah menjadi Pengerusi FELDA dari 2011 hingga Januari 2017, Pengerusi FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV) mulai 1 Januari 2011 hingga 19 Jun lalu dan Pengerusi FIC sejak ditubuhkan pada 2 Julai 2013 hingga 2017.

Khamis lepas, media melaporkan FELDA berisiko kehilangan hak ke atas tanah strategik di Jalan Semarak, Kuala Lumpur yang dianggarkan bernilai RM270 juta apabila ia dipercayai bertukar hak milik menerusi transaksi yang diragui sejak 2015.

Pindah milik tanah itu dipercayai berlaku apabila FELDA Investment Corporation Sdn Bhd melantik sebuah syarikat tempatan sebagai pemaju utama pada 3 Jun 2014 dan diberikan surat kuasa wakil penuh bagi membangunkannya.

Berikutan itu, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat transaksi pindah milik tanah itu termasuk tidak menolak kemungkinan memanggil Mohd Isa bagi membantu siasatan.

## 20. Polis panggil Isa Samad



**MOHD. ISA ABDUL SAMAD**

KUALA LUMPUR 25 Dis. - Polis akan memanggil bekas Pengerusi Felda, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad untuk memberi keterangan dalam tempoh terdekat bagi membantu siasatan kes penipuan urusan pertukaran tanah milik Felda bernilai RM270 juta di Jalan Semarak di sini.



**MOHAMAD FUZI HARUN**

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, bagaimanapun siasatan berhubung kes berkenaan harus mengikut prosedur dalam memanggil individu untuk memberi keterangan.

"Kita akan panggil mengikut keperluan. Buat masa ini, belum ada waktu yang ditetapkan tetapi kami menjangkakan memanggilnya dalam masa terdekat," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia di sini hari ini.

Sebelum ini, Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim memaklumkan satu pasukan khas ditubuhkan khusus bagi menyiasat perkara berkenaan dan tidak menolak kemungkinan akan memanggil Mohd. Isa untuk membantu siasatan.

Pada 12 Disember lalu, Felda membuat laporan polis berhubung kemungkinan berlaku penipuan dalam urusan penukaran hak milik tanah berkenaan kepada syarikat Synergy Promenade Sdn. Bhd.

Dalam pada itu, Bernama melaporkan, Mohd Isa memberitahu, pihak polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) belum menghubunginya bagi mendapatkan keterangan berhubung kes berkenaan.

Mohd Isa menjelaskan, beliau sedia memberi kerjasama kepada pihak berkuasa berhubung isu pemindahan hak milik tanah agensi tersebut.

"Setakat ini, polis belum panggil saya, biar polis jalankan tugas. Saya sedia beri kerjasama sekiranya polis atau SPRM panggil.

"Saya tidak mahu komen lebih kerana tidak mahu isu ini dijadikan polemik politik" ujarnya.

## 21. SPRM dijangka serah hasil siasatan bulan depan

SHAH ALAM 27 Dis. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dijangka menyerahkan kertas siasatan mengenai skandal penyelewengan tanah di Kampung Sungai Yu untuk tujuan pendakwaan sebelum akhir Januari depan.



### AZAM BAKI

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki berkata, siasatan ke atas skandal tanah itu ketika ini hampir selesai dan mendapati ada kewajaran untuk kes berkenaan dibawa bagi tujuan pendakwaan.

"Kita meneliti secara keseluruhannya dan kami menjangkakan kes ini sedia untuk diserahkan kepada pihak pendakwaan antara pertengahan atau hujung Januari nanti," katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

SPRM pada 14 Disember lalu mengumumkan siasatan ke atas isu skandal pemberian tanah di Sungai Yu, yang terpalit dengan pelbagai cerita kronisme, salah guna kuasa dan penyelewengan dibuka semula berikutan adanya bukti-bukti baharu.

Langkah tersebut dilihat tepat kerana pada 8 Disember, Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Selangor (Selcat) yang dipengerusikan Hannah Yeoh terlebih dahulu mengesahkan wujudnya pelanggaran syarat.

Sehubungan itu, SPRM memaklumkan pihaknya akan memanggil seramai 21 saksi termasuk salah seorang daripadanya adalah Exco Kerajaan PKR Selangor.

Isu skandal Sungai Yu didedahkan Utusan Malaysia yang antaranya menyaksikan bagaimana 18 individu yang tiada dalam rekod di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bukan sahaja 'berjaya' melepasi tapisan kerajaan negeri, malah diberikan tanah.

Kepada soalan sudahkah kesemua saksi dipanggil untuk memberi keterangan dan apakah akan ada lagi Exco Kerajaan PKR Selangor akan disiasat berhubung kes tersebut, Azam berkata, perkara tersebut akan dimaklumkan kemudian.

"Apa yang boleh saya beritahu ketika ini, siasatan sudah hampir siap dan mana-mana pihak yang kita rasa mampu membantu SPRM dalam isu ini, kita sudah panggil mereka semua," katanya.

## 22. Bekas menteri, pemimpin parti di Sabah disiasat

### Berhubung kehilangan deposit penjualan tanah RISDA RM15.5 juta

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Dua pemimpin parti di Sabah termasuk seorang bekas menteri sedang disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung salah guna kuasa dan penyelewengan membabitkan wang deposit pembelian tanah milik Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) bernilai RM15.5 juta di negeri itu pada 2014.

Menurut sumber, seorang daripada pemimpin tersebut yang sedang disiasat berhubung satu lagi kes rasuah membabitkan dana Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) turut diburu kerana gagal melaporkan diri kepada SPRM sejak dua bulan lalu.

Ujarnya, kedua-dua pemimpin terbabit dipercayai mempunyai kaitan dengan proses penjualan tanah tersebut yang terletak di Tongod, Sandakan, Sabah dan pembeli dikatakan telah membayar 10 peratus wang deposit bernilai RM15.5 juta.

Namun jelasnya, apabila tanah itu didapati tidak boleh dijual kepada orang luar memandangkan status tanah berkenaan merupakan Hak Adat Bumiputera (NCR), deposit yang telah dibayar oleh pembeli dipercayai hilang.

"Berikutan itu, beberapa dokumen berkaitan pembelian tanah tersebut telah diambil untuk diteliti bagi siasatan lanjut sekiranya terdapat penyelewengan." Kedua-dua pemimpin masih belum dipanggil memandangkan seorang daripada mereka dikatakan masih berada di luar negara," katanya ketika dihubungi Utusan Malaysia hari ini.

Baru-baru ini, dua blog telah mendedahkan mengenai dakwaan penyelewengan berhubung pembelian tanah berkenaan.

Blog tersebut mendakwa, dana bernilai RM155.4 juta milik RISDA dilaporkan hampir hilang berikutan urusan jual beli tanah NCR di daerah Tongod seluas 2,428 hektar pada Julai 2014.

Dalam pada itu, blog terbabit turut mendakwa sebanyak RM15.5 juta wang pendahuluan hasil pembelian berkenaan lesap namun tiada laporan dibuat kepada SPRM.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan memang ada siasatan dijalankan berhubung isu pembelian tanah yang berkaitan namun beliau enggan memberi ulasan mengenai pihak yang terlibat dengan perkara itu.

"Biarlah pihak kami menjalankan siasatan. Saya tidak mahu isu ini dispekulasikan," katanya.